

Malaysia model negara Islam demokrasi

UM-27/5/2006

TOKYO 26 Mei - Malaysia boleh dijadikan model negara Islam yang mengamalkan pemerintahan demokrasi, toleransi antara kaum dan agama serta sentiasa berusaha ke arah kemajuan dan pemodenan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, walaupun majoriti rakyat Malaysia orang Melayu dan beragama Islam, ia mengamalkan pemerintahan berdasarkan asas perkongsian kuasa membabitkan semua kaum dan semua keputusan dibuat melalui persetujuan bersama.

Beliau berkata, rakyat Malaysia juga meraikan semua perayaan yang disambut setiap tahun seperti Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas dengan mengadakan rumah terbuka serta mengunjungi antara satu sama lain.

“Kita juga sentiasa menggalakkan rakyat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi bagi membantu memacu pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi.

“Berdasarkan apa yang dilakukan oleh Malaysia, adalah tidak tepat bahawa tuduhan mengatakan Islam adalah agama yang anti demokrasi dan pemodenan serta cenderung kepada keganasan dan perbalahan etnik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada siri syarahan U Thant United Nations University (UNU) bertajuk Islam Hadhari: Memupuk Urus Tadbir Baik Dalam Masyarakat serta Muhibah Antara Rakyat dan Budaya di Peringkat Antarabangsa di Hotel Capitol Tokyo, di sini hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya Abdullah berkata, faktor utama berlaku salah tanggapan terhadap Islam ialah kecenderungan untuk mengandaikan bahawa sesuatu perlakuan ekstrem itu adalah perkara biasa.